

16/05/2003

Ada cubaan peralat Puteri: PM

Mokhtar Alias; Hussain Said

SEREMBAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan ada golongan tertentu dalam Umno cuba menggunakan Puteri Umno sebagai alat untuk melobi menjayakan kempen mereka.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ia tidak serius dan menganggapnya 'tak ada apa' untuk dibimbangkan.

"Tak ada apa, saya ingat ada orang cuba nak guna Puteri untuk kempen, (tetapi) dia (Ketua Puteri Umno Azalina Othman Said) tak nak guna Puteri untuk kempen," katanya semalam.

Perdana Menteri ditemui selepas menghadiri perkahwinan Syazrena Abdul Rafei, anak kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Maznah Bahari dan Leftenan Kolonel (B) Abdul Rafei Abdul Khatab, di Taman Bukit Chedang, dekat sini.

Syazrena, 25, berkahwin dengan Azli Azamin Abdullah, 26 tahun. Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut menepung tawar mempelai dan menyertai acara makan beradab.

Presiden Umno diminta mengulas kenyataan Azalina yang mendakwa ada golongan tertentu dalam Umno yang memberi teladan tidak baik kepada generasi muda, termasuk mengajar budaya melobi.

Kelmarin akhbar melaporkan Azalina sebagai berkata golongan terbabit 'ibarat ketam yang cuba mengajar anak berjalan lurus' tetapi mereka sendiri melakukan sebaliknya.

Azalina berkata, tidak wajar menuduh Puteri berdasarkan khabar angin dan jika benar pun mereka berbuat demikian ia harus mengambil kira siapa yang mengajarnya.

Dr Mahathir juga berkata, Azalina berkata demikian bagi mengingatkan ahli Puteri supaya tidak terpengaruh dengan golongan berkenaan.

Ditanya mengenai berapa ramai kumpulan serpihan dalam Umno yang cuba memecahkan perpaduan dalam parti, Dr Mahathir menjelaskan bahawa kumpulan terbabit tidak banyak.

Berhubung tindakan yang akan diambil, beliau tidak mengetahui tindakan yang diambil kerana ia bukan masalah besar terhadap parti.